



HLM Takaful **Alpha Saver**

Membina Keperluan Untuk Hari Esok



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau
hubung 03-7650-1800
Layari www.hlmtakaful.com.my

**MALAYSIA PRESTIGIOUS
INDUSTRY
AWARDS 2023**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli PIDM.

Pelan yang Anda Perlukan, Perlindungan yang Layak Untuk Anda

Bagaimana anda boleh menikmati simpanan dan pada masa yang sama mempunyai perlindungan hayat? Dengan HLM Takaful Alpha Saver, anda kini boleh memiliki keduanya dengan bayaran tunai setiap 5 tahun serta dilindungi daripada sebarang peristiwa yang tidak diingini.

HLM Takaful Alpha Saver adalah pelan perlindungan dan simpanan Takaful endowmen selama 20 tahun yang menyediakan bayaran tunai sehingga 15% daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar, setiap 5 tahun sepanjang tempoh perlindungan termasuk manfaat kematangan sekaligus.

HLM Takaful Alpha Saver menyediakan perlindungan terhadap kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) serta 3 kali ganda perlindungan untuk kematian akibat kemalangan. Selain itu, khairat kematian tambahan akan dibayar kepada saudara terdekat untuk mengurangkan beban perbelanjaan terakhir mereka.

Mulakan pengembaraan anda dengan pendaftaran mudah dan sumbangan serendah RM1.67¹ sehari dan biarkan HLM Takaful Alpha Saver menjaga selebihnya.

¹ Ini adalah untuk Pelan50. Amaun berbeza mengikut pelan pilihan anda.

MENGAPA HLM TAKAFUL ALPHA SAVER?



Sumbangan Berpatutan Serendah RM50/Bulan

Serendah RM50 sebulan (Pelan50) dengan pembayaran selama 10 tahun, anda dilindungi selama 20 tahun. Anda juga boleh memilih sumbangan bulanan RM100 (Pelan100) atau RM200 (Pelan200) untuk perlindungan yang lebih tinggi bergantung kepada keperluan anda.



Penyertaan Mudah & Ringkas

Kami menjadikan proses penyertaan semakin mudah! Hanya jawab soalan kesihatan yang mudah. Tiada pemeriksaan perubatan diperlukan.



Bayaran Tunai Sehingga 15% daripada Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar

Bermula dari hujung tahun ke-5 sijil dan setiap 5 tahun seterusnya, Bayaran Tunai seperti yang ditunjukkan di bawah akan dibayar, dengan syarat sijil tersebut masih berkuat kuasa dan tiada tunggakan kepada kami:

Hujung Tahun Sijil	% daripada Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar	Bayaran Tunai (RM)		
		Pelan 50	Pelan 100	Pelan 200
5	5%	150	300	600
10	5%	300	600	1,200
15	10%	600	1,200	2,400
20	15%	900	1,800	3,600
Jumlah		1,950	3,900	7,800



Perlindungan Asas Terhadap Peristiwa Tidak Terduga

Sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) (perlindungan sehingga umur 65 tahun pada harijadi akan datang), jaminan² 100% daripada Jumlah Dilindungi Asas akan dibayar. Selain itu, jaminan² tambahan 10% daripada Jumlah Dilindungi Asas akan dibayar sebagai Khairat Kematian selepas kematian.



3 Kali Ganda Perlindungan Untuk Kematian Akibat Kemalangan

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan (perlindungan sehingga umur 65 tahun pada harijadi akan datang), jaminan² 200% daripada Jumlah Dilindungi Asas akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat kematian.



Manfaat Matang

Setelah sijil matang, 100% daripada Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar akan dibayar dengan syarat tiada tunggakan kepada kami dan tiada tuntutan pernah dibuat sebelum ini. Tiada manfaat lain akan dibayar.



Perkhidmatan Nilai Tambah

Kami boleh menguruskan untuk menunaikan tanggungjawab keagamaan atau menyumbang kepada badan kebajikan bagi pihak anda setelah anda meninggal dunia atau mengalami TPD, di mana sejumlah amaun akan ditolak daripada manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami. Butiran perkhidmatan yang boleh anda pilih adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Perkhidmatan	Jumlah (RM)	Penerangan
Badal Haji	7,000 ³	Melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak pelanggan Muslim yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau kematian.
Wakaf	500	Pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan keagamaan atau kebajikan.
Korban	750 ³	Menjalankan ibadah Korban bagi pihak pelanggan Muslim semasa Aidil Adha termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta.

Sekiranya perkhidmatan di atas tidak dapat dijalankan atas sebab ketiadaan perkhidmatan oleh penyedia perkhidmatan atau jumlah perkhidmatan melebihi manfaat Takaful yang perlu dibayar, perkhidmatan tersebut akan terbatal dan Kami akan membayar jumlah manfaat Takaful penuh.

² Bayaran manfaat ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam sijil Takaful.

³ Tertakluk kepada perubahan mengikut amaun yang dicaj oleh penyedia perkhidmatan terakhir yang tersedia atau yang terkini.

INFO LANJUT MENGENAI HLM TAKAFUL ALPHA SAVER

Umur Kemasukan 30 hari – 55 tahun

Tempoh Pembayaran Sumbangan 10 tahun

Tempoh Perlindungan 20 tahun

Jumlah Dilindungi Asas (RM)	Umur Kemasukan	
	1 – 45	46 – 55
Sumbangan Bulanan (RM)		
50	10,000	7,000
100	20,000	14,000
200	40,000	28,000

YURAN & CAJ

Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung. Peratusan Wakalah berbeza dengan tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

Tahun Sijil	1	2-10 (setiap tahun)	11-20
% daripada Sumbangan	43%	13%	0%

Tabarru'⁴

Tabarru' yang telah ditentukan berdasarkan tahun sijil akan ditolak daripada sumbangan. Kadar Tabarru' adalah tidak kekal pada tahap yang sama dan tidak dijamin. Jumlah Tabarru' adalah bersamaan dengan sumbangan ditolak Yuran Wakalah.

Caj Serahan

Tahun Sijil	% daripada Nilai Serahan Tunai
1 - 3	30%
4 - 8	25%
9 - 19	15%
20	0%

⁴ Kami berhak untuk menyemak semula yuran dan caj dengan memberi notis bertulis kepada Peserta 90 hari sebelum ulang tahun sijil berikutnya.

SOALAN LAZIM

1. Apakah maksud Takaful?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang untuk tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

2. Bolehkah anda memberitahu lebih lanjut mengenai dana di bawah HLM Takaful Alpha Saver?

Terdapat hanya satu dana di bawah produk ini iaitu Dana Risiko Peserta (PRF). Sumbangan yang dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan disalurkan ke dalam PRF sebagai Tabarru' untuk menyediakan manfaat Takaful di bawah produk ini. Semua manfaat Takaful iaitu

Manfaat Kematian, Manfaat TPD, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, Khairat Kematian, Bayaran Tunai dan Manfaat Kematangan dibayar daripada PRF. Sebarang lebih daripada PRF akan diagihkan dalam nisbah 50:50 di antara pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Jumlah) dan peserta yang layak.

3. Apakah rider yang tersedia untuk meningkatkan perlindungan saya?

Tiada rider yang boleh dilampirkan kepada HLM Takaful Alpha Saver.

4. Berapakah yang perlu saya bayar dan apakah mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui kredit/debit kad, debit terus dan arahan tetap.

5. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful Alpha Saver?

- (a) Manfaat Kematian/Khairat Kematian tidak akan dibayar untuk kematian akibat secara langsung atau tidak langsung dari bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan sijil atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana lebih kemudian.
- (b) Manfaat TPD tidak akan dibayar berhubung sebarang keadaan/kecederaan/peristiwa yang mana secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecederaan yang dilakukan sendiri semasa siuman atau tidak siuman, di bawah pengaruh sebarang alkohol, narkotik atau dadah, aktiviti penerbangan persendirian, perkhidmatan ketenteraan, peperangan, perbuatan keganasan atau jenayah, sukan berbahaya dan aktiviti dan seumpamanya.
- (c) Manfaat Kematian Akibat Kemalangan tidak akan dibayar untuk kematian akibat kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan diri sendiri semasa siuman atau tidak siuman, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau kegiatan pengganas, peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi atau sebarang operasi perang.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian.

6. Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada kami berserta notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Nilai serahan tunai daripada PRF (jika ada) ditolak caj serahan akan dibayar. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

7. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful Alpha Saver layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi di bawah "Insurans Hayat", tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama produk ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah produk ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil telah dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.
5. Anda diberi tempoh ihsan selama 90 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Tidak membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan pengurangan atau penamatan lebih awal perlindungan anda. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
6. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Adalah tidak dianjurkan untuk memegang pelan ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
7. Jika anda membatalkan sijil anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun sedikit daripada yang telah disumbangkan.
8. Sijil ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal sijil kecuali nilai serahan tunai.
9. Semua umur yang disebut dalam risalah ini adalah berdasarkan pada harijadi akan datang.
10. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah insuranceinfo mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kita, atau lawati www.hlmtakaful.com.my.
11. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1800

Emel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my



www.hlmtakaful.com.my



Hong Leong MSIG Takaful Berhad



hlmtakaful